



JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



DOSM/BK/Melaka/10.2020/Siri23



"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."  
- **Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

"Kerajaan negeri mengumumkan lapan insentif khas susulan wabak COVID-19 untuk rakyat negeri ini membabitkan perbelanjaan berjumlah RM6.53 juta." - **YAB Ketua Menteri Melaka, 20 Mac 2020**

Melaka menyumbang **3.1 peratus** kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM42.4 bilion** (2017: RM40.8 bilion). Sektor **Perkhidmatan** dan **Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Melaka. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM19.8 bilion (46.6 peratus)** dan **RM16.3 bilion (38.6 peratus)** kepada nilai KDNK Melaka.




### Sepuluh Negara Teratas yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Melaka, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Melaka dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM3.7 bilion**. **China, Belanda** dan **Jerman** merupakan tiga (3) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Melaka. Ketiga-tiga negara ini menyumbang **83.3 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Melaka.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Melaka 2018

### Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Melaka, 2018

Penduduk : 934.6 Ribu  
Kepadatan Penduduk : 546/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 1.9  
Kadar Kelahiran Kasar : 15.8  
Kadar Kematian Kasar : 6.0

Bil. Hospital : 9 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 109 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 2,264 katil  
2017 - 2,269 katil




Bil. Doktor  
2016 - 1,707 orang  
2017 - 1,945 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 4,529 orang  
2017 - 4,602 orang

Sumber: MyLocal Stats Melaka, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk Melaka bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM2.2 bilion** (Mac 2019: RM1.4 bilion). Nilai ini menyumbang 1.5 **peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Melaka



### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Melaka, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
SUNGAI UDANG	6,881	11,835	18,716
TANJUNG BERUAS	255	1,294	1,549
LAIN-LAIN	4	2,712	2,715
MELAKA	7,140	15,841	22,981

Pada tahun 2019, Melaka mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM7.1 bilion** dan jumlah import bernilai **RM15.9 bilion**. **Tanjung Beruas** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Melaka pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM) diperuntukkan RM3.6 juta bagi membantu penduduk yang terjejas akibat wabak Covid-19." – myMetro, 29 Mac 2020

**Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Melaka, 2017 Dan 2018**

	2017	2018
<b>Jumlah ('000)</b>		
Total	12,625.0	13,122.6
<b>Pelawat harian</b>		
Excursionist	8,683.4	7,918.8
<b>Pelancong</b>		
Tourist	3,941.6	5,203.8

Sumber: MyLocal Stats Melaka, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Melaka menerima 13.1 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 7.9 juta (60.3 peratus) merupakan pelawat harian dan 5.2 juta (39.7 peratus) adalah pelancong.

**Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang di Melaka, 2016-2018**

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	25,641	24,862	23,876
Antarabangsa	33,062	37,214	28,617
<b>Jumlah</b>	<b>58,703</b>	<b>62,076</b>	<b>52,493</b>

Sumber: MyLocal Stats Melaka, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Melaka telah menurun kepada 0.05 juta berbanding 0.06 juta pada tahun 2017.

# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, Melaka, 2018-2019


Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	421.2	416.7	4.4	66.6	1.1
2019	432.9	428.3	4.6	67.6	1.1

Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Melaka adalah **428.3 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **67.6 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 kekal pada **1.1 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus).



### Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Melaka

Pada tahun 2019, Industri **pembuatan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Melaka iaitu **104.4 ribu pekerja (24.4 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 67.0 ribu pekerja (15.6 peratus)**. Industri **penginapan dan pendidikan** masing-masing mencatatkan **52.0 ribu pekerja (12.1 peratus)** dan **33.4 ribu pekerja (7.8 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **60.0 peratus** pekerja di Melaka.



Sumber: Population Quick Info

### Unjuran Penduduk Negeri Melaka, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Melaka boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Melaka dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 68.0 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 22.4 peratus dan kumpulan umur tua 9.6 peratus.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Melaka, 2014 & 2016

	MALAYSIA		MELAKA	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	4,585	5,228	5,029	5,588
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.6	"	5.3
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	6,046	6,849
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.2	"	6.2
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Melaka, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
<b>Jumlah</b>	<b>120.2</b>	<b>120.6</b>	<b>119.1</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	135.4	135.9	136.0
Minuman Alkohol dan Tembakau	170.1	168.7	168.7
Pakaian dan Kasut	79.9	78.1	78.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	124.1	125.4	125.4
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	118.2	118.0	118.0
Kesihatan	119.6	120.3	120.4
Pengangkutan	108.4	107.6	99.0
Komunikasi	95.4	97.8	97.8
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	112.5	113.6	113.6
Pendidikan	129.8	130.4	131.0
Restoran dan Hotel	126.4	127.1	127.3
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	112.1	113.9	114.2

Sumber: IHP, Mac 2020

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Melaka, 2014 & 2016

	MALAYSIA		MELAKA	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b>				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.316	0.337
<b>Insiden Kemiskinan</b>				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.1	0.0

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Melaka, 2016

	MALAYSIA		MELAKA
	2014	2016	2016
<b>Penengah (RM)</b>			
<i>Median</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000	3,458
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275	6,572
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148	12,077
<b>Purata (RM)</b>			
<i>Mean</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848	3,328
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502	6,723
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088	14,149

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Melaka, 2014 & 2016

	MALAYSIA		MELAKA	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	2,946	3,314	3,235	3,580
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	5.9	"	5.1
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	3,809	4,374
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.0	"	6.9
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Melaka menurun 0.9 peratus pada Mac 2020 kepada 119.1 berbanding 120.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP Mac 2020 bagi Melaka menurun 1.2 peratus kepada 119.1 berbanding Februari 2020.


*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*






## Statistik COVID-19 Negeri Melaka


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Melaka




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Melaka



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Melaka



### Peratusan Kes Melaka Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 Jun 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





## Impak Covid-19 di Melaka

### Perkhidmatan Perhotelan

*Malaysian Association Hotels (MAH)* dan *Malaysian Budget Hotel Association's (MyBha)* Cawangan Melaka melaporkan bahawa sehingga 16 April 2020, 98% daripada jumlah hotel yang berdaftar dengan persatuan tersebut telah menutup operasi kerana ketiadaan pelanggan dan mematuhi PKP. Persatuan menyatakan bahawa keadaan ini mengakibatkan jumlah **kerugian yang dianggarkan sekitar RM68 juta.**

Kebanyakan hotel menghadapi masalah *cash flow* yang serius di mana hotel-hotel berkaitan hanya akan mampu bertahan untuk tempoh 3-4 bulan sahaja lagi. Persatuan turut menyatakan bahawa **95% daripada jumlah hotel tidak mendapat sebarang hasil** sepanjang tempoh PKP namun masih lagi perlu menanggung sebahagian besar kos operasi.



### Perkhidmatan pendidikan (Pra-sekolah swasta)

Responden memaklumkan bahawa **pendapatan bagi bulan Mac 2020 menurun 20%** berikutan terdapat ibu bapa yang masih belum menjelaskan yuran tadika. Responden juga menjangkakan pendapatan bulan **April juga akan turun 20% - 30%** disebabkan pelanjutan tempoh PKP ditambah pula dengan pendapatan ibu bapa yang mungkin terjejas akibat PKP juga.




### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi dan e-Hailing

Sepanjang bulan Februari, **pendapatan telah merosot 50%** kesan daripada penyebaran Covid-19 dan dijangkakan akan terus merosot ke 20% pada bulan Mac 2020. Dalam keadaan biasa, purata pendapatan golongan ini adalah sekitar RM200 sehari dan sepanjang PKP, hampir tiada pendapatan kerana permintaan hampir sifar. Ini kerana kawasan tumpuan utama pelanggan ialah di terminal pengangkutan awam, pasaraya dan *hotspot* pelancong yang sedia maklum tidak beroperasi sepanjang PKP.



### Perkhidmatan Beca

Sehingga 17 Mac, **bilangan pelanggan telah menurun 80%** dan rata-rata pengusaha menyatakan **pendapatan telah berkurang dari RM160 ke RM40 sehari (penurunan 75%).** Dianggarkan hampir 400 penarik beca di Melaka terkesan dengan Covid-19 dan PKP yang berkuatkuasa. Daripada jumlah tersebut, 12% adalah penarik beca tidak berdaftar dan diandaikan hanya melaksanakan aktiviti ini sebagai kerja sampingan. Manakala, yang selebihnya iaitu 88% penarik beca ini bergantung kepada Pakej Ransangan Ekonomi dengan bayaran secara *one off* berjumlah RM600 yang telah diumumkan.



### Perkhidmatan Jualan Runcit

Pemilik kedai menyatakan **pendapatan perniagaannya menyusut lebih 40%** pada Mac dan menjangkakan pendapatannya akan lebih terjejas pada April 2020. Sepanjang PKP ini, para pekerja diberikan cuti dan dibayar separuh gaji sahaja pada Mac 2020. Untuk April 2020, pekerja masih diberikan cuti dan tidak akan dibayar berikutan pembayaran gaji berasaskan bilangan hari bekerja.



### Runcit - Pasaraya

Salah satu pasaraya yang menjadi tumpuan utama penduduk di negeri Melaka menganggarkan jualan/hasil pendapatan akan **meningkat 20% hingga 30% bagi bulan Mac 2020** berikutan *panic buying* yang berlaku pada 16 Mac hingga 18 Mac 2020. Kerajaan Negeri Melaka telah menetapkan bahawa semua premis perniagaan perlu ditutup operasi mulai 7.00 malam sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimanapun, pihak responden memaklumkan tiada pekerja yang diberikan cuti dan pembayaran gaji adalah seperti biasa sepanjang tempoh PKP.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di Melaka

### Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan di Kedai Khusus

Pada bulan Mac 2020, **hasil jualan turun dengan amat ketara iaitu sehingga 30%** disebabkan PKP dan juga akibat penurunan harga minyak yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan ekoran kemerosotan harga minyak dunia. Responden juga menjangkakan penurunan hasil jualan yang lebih teruk akan berlaku pada bulan April 2020. Tiada pekerja yang diberhentikan sehingga Mac 2020 dan gaji dibayar seperti biasa. Walau bagaimanapun, responden akan menilai semula dari segi pembayaran gaji pekerja pada April 2020 sekiranya PKP dilanjutkan dan harga minyak semakin rendah.



### Jualan runcit kasut

Salah satu syarikat menyatakan bahawa **prestasi jualan kasut telah menurun dengan ketara iaitu 50%-60%** bermula bulan Februari 2020 dan sehingga kini jualan telah turun hampir 100%. Bermula awal bulan Mac 2020, hanya pemilik sahaja yang datang bekerja di kedai manakala pekerja diberikan cuti bergaji asas tanpa komisen dan elaun lebih masa sepanjang tempoh PKP. Namun begitu, bantuan kerajaan yang memberikan diskaun / moratorium atas kos sewaan, pinjaman, cukai serta bil utiliti dapat meringankan beban kewangan dan operasi perniagaan.



### Jualan Runcit Jam

Responden menyatakan **hasil jualan akan turun 50%-60%** pada bulan Mac dan April 2020. Walaupun begitu, tiada pekerja diberhentikan.



### Jualan Runcit Sebarang Jenis Produk Melalui Internet

Syarikat yang menjalankan jualan pakaian bayi secara *online* melalui media sosial Facebook dan Instagram menyatakan bahawa **hasil jualan bulan Mac 2020 menurun 20%** disebabkan pengguna lebih mengutamakan pembelian barangan keperluan harian terutamanya makanan berbanding produk pakaian semasa PKP ini.


### Jualan Runcit Perabot Isi Rumah

Pendapatan syarikat dijangka akan **terjejas hampir 60% - 70%** pada bulan Mac & April 2020 berikutan penutupan operasi sejak PKP dikuatkuasakan.



### Jualan Borong Daging, Unggas dan Telur

Syarikat beroperasi seperti biasa supaya dapat memastikan bekalan daging ayam dan telur mencukupi bagi menampung keperluan permintaan di seluruh Malaysia. Responden juga **menjangkakan hasil jualan yang normal** pada Mac dan April 2020 seperti bulan-bulan sebelum ini.



### Jualan Borong Biskut, Kek, Roti Dan Produk Bakeri Lain

Permintaan roti **meningkat 150%** berbanding bulan-bulan sebelum ini. Walau bagaimanapun, syarikat ini hanya mampu memenuhi 130% permintaan tersebut berikutan kekurangan sumber bahan mentah dan pekerja.



### Jualan Borong dan Runcit Produk Bakeri Dan Konfeksi

Salah sebuah syarikat yang menjual roti dan kek masih beroperasi semasa minggu pertama PKP iaitu dari 18-24 Mac 2020. Namun, ia ditutup di sepanjang minggu kedua PKP pada 25-31 Mac 2020. Walau bagaimanapun, syarikat ini kembali beroperasi bermula 1 April 2020 dengan waktu operasi disingkatkan dari jam 8.00 pagi - 7.00 petang berbanding jam 8.00 pagi - 10.30 malam sebelum PKP dikuatkuasakan untuk pembelian *take-away* sahaja. Responden menyatakan bahawa **pendapatan syarikat sedikit terjejas di antara 10%-20% untuk Mac dan 20%-30% untuk April 2020** akibat PKP ini. Tiada pemberhentian pekerja dan gaji masih dibayar seperti biasa.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Melaka

### Jualan Borong dan Runcit Komputer, Peralatan dan Kelengkapan Komputer


Sebuah syarikat yang menjalankan pembaikan komputer yang dihubungi memaklumkan bahawa syarikat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP ini. Responden memaklumkan **nilai jualannya turun 40%-50%** pada Mac dan **menjangkakan akan turun lebih tinggi 70%-80%** pada April 2020.



Syarikat ini mempunyai 4 orang pekerja dan tiada pekerja yang diberhentikan berikutan PKP. Untuk Mac 2020, pekerja telah dibayar gaji penuh namun majikan masih mempertimbangkan pembayaran gaji pekerja untuk April 2020.

### Jualan Kenderaan Bermotor Baharu

Salah satu syarikat memaklumkan **jualan dijangka jatuh sekurang-kurangnya 40%** pada Mac 2020 berikutan penurunan permintaan akibat PKP ini. Syarikat juga menjangkakan pekerja akan menerima komisen yang rendah pada Mac 2020 akibat penurunan jualan. Syarikat juga menghadapi masalah penerimaan stok kereta baharu dari pengilang berikutan PKP yang telah dilaksanakan pada minggu ketiga, di mana minggu ketiga merupakan minggu penghantaran kereta kepada pengedar di Semenanjung Malaysia. Manakala, penghantaran stok kereta kepada pengedar di Sabah dan Sarawak adalah pada awal bulan.



### Jualan Borong dan Runcit Makanan Lain

Salah sebuah syarikat telah beroperasi seperti biasa dalam tempoh PKP dengan waktu operasi dihadkan kepada jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang berbanding jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang sebelum PKP dikuatkuasakan. Responden juga memaklumkan **hasil jualan meningkat 10% - 20% pada Mac** dan menjangkakan peningkatan yang hampir sama pada April 2020 berikutan permintaan barangan keperluan harian yang agak tinggi semasa PKP. Syarikat mempunyai 112 pekerja dan tiada pekerja yang diberhentikan berikutan PKP ini serta dibayar gaji penuh seperti biasa.



### Perkhidmatan Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan Bermotor

Kebanyakan bengkel telah mematuhi PKP dan menutup operasinya sepanjang tempoh penguatkuasaan. Berikutan penutupan operasinya, **hasil pendapatan bulan Mac dijangka menurun sehingga 60%**.



### Perkhidmatan Lain – Butik Pengantin

Salah satu syarikat Bumiputera yang melaksanakan aktiviti Butik Pengantin memaklumkan bahawa **jualan dijangka jatuh 75%** pada bulan Mac 2020 berikutan pelanggan telah membatalkan tempahan baju pengantin sejak PKP dilaksanakan.

Butik ini juga terpaksa ditutup sementara sepanjang pelaksanaan PKP dan akan dibuka semula setelah PKP selesai. Butik ini mempunyai 4 orang pekerja dan pada 17 Mac 2020, 3 orang pekerja telah diberikan cuti manakala seorang pekerja telah diberhentikan. Keempat-empat pekerja tersebut hanya dibayar gaji sehingga 17 Mac 2020 sahaja tanpa mengambilkira hari cuti sepanjang PKP.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di Melaka

### Perkhidmatan Makanan dan Minuman - Restoran

Sebuah syarikat **menjangkakan jualan restoran akan turun dengan mendadak sehingga 80%** sepanjang tempoh PKP. Ini berikutan waktu operasi yang pendek iaitu 11.30 pagi hingga 7.00 petang sahaja berbanding waktu operasi biasa sebelum ini iaitu 8.00 pagi hingga 11.00 malam.

Salah satu syarikat francais yang beroperasi pada waktu operasi yang sama juga menganggarkan jualan akan **turun dengan mendadak sekurang-kurangnya 80%** pada Mac 2020 berikutan PKP. Restoran ini hanya menyediakan perkhidmatan *take-away* dan *home-delivery*. Purata pelanggan adalah kurang daripada 10 orang sehari sejak PKP dilaksanakan.

Sebuah syarikat yang menjalankan perusahaan restoran Nasi Arab beroperasi selama 3 hari sahaja setiap minggu di mana jualan makanan dan minuman dibuat secara *home delivery* dan *take-away*. Responden menyatakan hasil jualan telah **mengalami penurunan 20% pada Februari dan 40% pada Mac 2020**. Jangkaan penurunan yang tinggi melebihi 60% pada April 2020.



Manakala sebuah syarikat yang menjalankan perusahaan restoran 24 jam tidak beroperasi semasa PKP. Responden menyatakan **hasil jualan telah turun 40% - 50%** pada bulan Mac dan menjangkakan tiada pendapatan akan diperolehi pada April 2020. Walaupun begitu, tiada pekerja diberhentikan.

### Perkhidmatan Makanan dan Minuman - Gerai

Salah sebuah gerai yang tidak beroperasi semasa PKP menyatakan **hasil jualan menurun 60%** pada bulan Mac dan tiada sebarang pendapatan pada bulan April 2020. Gerai makan ini menggaji 4 orang pekerja dan tiada pekerja diberhentikan. Walau bagaimanapun, pada bulan Mac 2020, semua pekerja hanya dibayar gaji separuh bulan sahaja dan pada bulan April 2020 pula, pekerja tidak akan dibayar gaji kerana pembayaran gaji adalah secara harian.

Selain itu, terdapat sebuah gerai makanan yang hanya beroperasi selama dua jam sehari semasa PKP ini berbanding 7-8 jam sehari sebelum ini. Responden memaklumkan bahawa **pendapatannya merosot sehingga 50%** pada Mac 2020 dan terpaksa memberikan cuti kepada pekerjanya dan dibayar gaji 40% sahaja untuk Mac 2020.



### Sektor Pembinaan

Terdapat 73 syarikat yang beroperasi di Melaka dan salah satu syarikat utama (pembinaan saluran paip jarak jauh, talian komunikasi dan kuasa) memaklumkan bahawa tidak menjalankan sebarang operasi sepanjang tempoh PKP kecuali bagi kerja-kerjai penyelenggaraan kecemasan. Syarikat turut memaklumkan prestasi **hasil telah menurun 30%** sejak pertengahan bulan Mac dan menjangkakan akan terus menurun 60% pada bulan April.







## Impak Covid-19 di Melaka


### Industri Pembuatan Kimia dan Produk Kimia

Kilang yang menjalankan salah satu industri *essential* semasa PKP ini beroperasi dalam tempoh waktu yang dipendekkan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Walaupun begitu, pekerja pengurusan bekerja secara fleksibel 4 jam sahaja sehari. Malahan pendapatan syarikat telah menurun **40% - 50% pada Mac 2020** dan dijangka akan lebih merosot pada April 2020. Kilang yang mempunyai 290 orang pekerja ini tidak memberhentikan pekerjaannya dan hanya gaji pokok sahaja dibayar pada Mac dan April 2020 ini.




### Pembuatan Besi Asas dan Keluli

Syarikat utama menyatakan bahawa walaupun permintaan meningkat pada bulan Mac, tetapi menganggarkan **pengurangan nilai jualan 20% - 30%** akibat pemberhentian operasi sepanjang PKP. Penurunan hasil jualan juga didorong oleh kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah. Tiada pemberhentian pekerja yang dilaporkan buat masa ini.



### Pembuatan Komponen dan Papan Elektronik

Tiga syarikat utama dengan nilai jualan terkumpul 85% daripada nilai keseluruhan industri memberikan maklumbalas **menjangkakan pengurangan nilai pengeluaran 40% - 45%** disebabkan pemberhentian operasi pengeluaran. Sehingga kini, syarikat-syarikat berkaitan mengambil langkah pengurangan kos operasi dengan memberikan cuti bergaji asas tanpa elaun kepada 10,331 pekerja.



### Industri Pengeluaran Sarung Tangan Getah

Salah satu syarikat memaklumkan permintaan meningkat berikutan keperluan yang tinggi. Walau bagaimanapun, syarikat hanya dibenarkan untuk menjalankan operasi pengeluaran dengan hanya 50% kapasiti pekerja pada setiap hari. Keadaan ini menyebabkan operasi pengeluaran hanya dapat membuat pengeluaran produk pada kadar 40% setiap hari dan **dijangkakan pendapatan syarikat menurun 40% - 50%** pada bulan Mac 2020. Syarikat juga terlibat dalam aktiviti CSR dengan membekalkan 20,000 pasang sarung tangan getah kepada pihak Hospital Melaka, 100,000 pasang sarung tangan getah kepada makmal pengesanan Covid 19 di seluruh Malaysia serta 10,000 pasang sarung tangan getah kepada pihak polis di negeri Melaka. Responden turut memaklumkan, pekerja diberikan cuti dibayar gaji penuh serta dibekalkan dengan sarung tangan getah, *face mask* dan *hand sanitizer* sebagai langkah pencegahan.



### Pembuatan Komputer dan Kelengkapan Peranti

Syarikat **menganggarkan pengurangan nilai jualan 60%** disebabkan **penutupan sementara operasi pengeluaran dalam tempoh PKP**. Berikutan itu, syarikat telah mengurangkan kos operasi dengan memberikan cuti bergaji asas tanpa elaun kepada 1,405 orang pekerja. Setakat hari ini, tiada pekerja yang diberhentikan kerja.

### Pembuatan Kertas dan Produk Kertas

Maklum balas **syarikat menyatakan bahawa pengeluaran akan menurun 40%-50%** sepanjang PKP. Syarikat telah memberhentikan sementara operasi pengeluaran. Bagi mengurangkan kos operasi, 70 pekerja diberikan cuti dengan gaji asas sahaja. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan dalam industri ini.






## Impak Covid-19 di Melaka

### Pembuatan Kenderaan Bermotor

Salah satu syarikat utama terpaksa menghentikan sementara operasi dan menjangkakan **penurunan 40% hingga 50% jualan** kenderaan bermotor yang dikeluarkan pada bulan Mac 2020. Kesemua pekerja syarikat diberikan cuti bergaji penuh dan tiada pekerja yang diberhentikan kerja sehingga minggu ini.



### Industri Pengeluaran Produk Biskut

Salah satu pertubuhan memaklumkan bahawa **kapasiti pengeluaran kilang hanya pada kadar 50%** di mana pertubuhan hanya dibenarkan untuk menjalankan operasi pengeluaran dengan kapasiti pekerja 50% pada setiap hari. Selain itu, syarikat tersebut mempunyai 3 *production plant* yang perlu ditutup secara bergilir-gilir setiap selang satu hari. Pekerja diberikan cuti dibayar gaji penuh dan tiada pemberhentian pekerja setakat ini.



### Pembuatan Minuman

Syarikat **menganggarkan pengurangan nilai jualan 15% - 20%** disebabkan penutupan sementara operasi pengeluaran dalam tempoh PKP dan juga didorong oleh pengurangan permintaan dari pasaran. Selain itu, syarikat juga menghadapi kesukaran mendapatkan bahan mentah kerana kawalan pergerakan pengangkutan pembekal.




Sehingga kini, kesemua syarikat memberhentikan operasi pengeluaran tetapi tidak memberhentikan pekerja. Para pekerja diberikan cuti bergaji tanpa elaun.

### Industri Pengeluaran Produk Makanan

Sebuah syarikat **menganggarkan pengeluaran dan jualan akan meningkat 20% - 30%** berikutan permintaan tinggi terhadap produk ikan yang diproses. Syarikat ini beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP ini walaupun menghadapi kesukaran mendapatkan permit untuk penghantaran produknya ke luar seperti Johor dan Negeri Sembilan.

### Pembuatan pesawat dan kapal angkasa dan jentera berkaitan

Syarikat-syarikat utama menjangkakan **penurunan pengeluaran 50% - 60%**. Faktor lain yang turut menyumbang kepada penurunan ialah kerana negara pengimpot dan pembekal bahan mentah yang turut melaksanakan PKP. Penutupan operasi memberi kesan kepada 2,851 orang pekerja namun setakat hari ini, tiada pekerja yang diberhentikan sebaliknya diberikan cuti dengan bayaran gaji asas (*basic*) sahaja.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

### Sinar Harian, 12 Februari 2020 (Rabu)

#### Covid-19: Melaka Ubah Strategi, Fokus Pelancongan Kesihatan

Nor Farhana Yaacob



MELAKA TENGAH - Melaka akan mengubah strategi pelancongan berikutan kelembapan sektor tersebut berikutan penularan wabak coronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/69787/EDISI/Melaka-NS/Covid-19-Melaka-ubah-strategi-fokus-pelancongan-kesihatan>

### The Star, 7 April 2020 (Selasa)

#### Tour Bus Operators in Dire Straits After Drop in Tourist Arrivals

R.S.N.Murafi

MELAKA: Tour bus operators are appealing to the government to look into their plight after about 9,500 buses are currently left idle throughout the country.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/07/tour-bus-operators-in-dire-straits-after-drop-in-tourist-arrivals>

### Berita Harian, 11 April 2020 (Sabtu)

#### COVID-19: Melaka Tubuh 3 Pasukan Khas

Amir Mamat, bhnews@bh.com.my

MELAKA: Polis Daerah Melaka Tengah menubuhkan tiga pasukan khas secara bergerak bagi mengadakan 'Mobile' Sekatan Jalan Raya (SJR) di beberapa lokasi tumpuan di daerah berkenaan.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676073/covid-19-melaka-tubuh-3-pasukan-khas>

### Astro Awani, 4 Mei 2020 (Isnin)

#### PKPB : Melaka Tidak Benarkan Aktiviti Sukan, Makan di Premis

BERNAMA

MELAKA: Kerajaan negeri Melaka tidak membenarkan sebarang aktiviti sukan dan makan di premis sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mula dilaksana hari ini, kata Ketua Menteri Datuk Sulaiman Md Ali.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpb-melaka-tidak-benarkan-aktiviti-sukan-makan-di-premis-241463>

### Harian Metro, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### Melaka Umum 6 Insentif Penerima Bantuan MAIM

Amir Mamat, am@hmetro.com.my



ENAM lagi insentif khas diumumkan Melaka kepada penerima bantuan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) membabitkan nilai RM3.5 juta.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556964/melaka-umum-6-insentif-penerima-bantuan-maim>

### Sinar Harian, 11 April 2020 (Sabtu)

#### NGO Wujudkan Pusat Sehenti Jual Hasil Tani Murah

Nor Farhana Yaacob

MELAKA TENGAH - Badan bukan kerajaan (NGO) Pembela Klebang Besar dengan kerjasama kerajaan Melaka mewujudkan pusat sehenti jualan hasil pertanian di Pulau Gadong, Klebang di sini yang menjual hasil pertanian dengan harga murah.

<https://www.sinarharian.com.my/article/78456/EDISI/Melaka-NS/NGO-wujudkan-pusat-sehenti-jual-hasil-tani-murah>

### Harian Metro, 13 April 2020 (Isnin)

#### MBMB Cipta Mesin Nyah Cemar

Amir Mamat  
am@hmetro.com.my



MAJLIS Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mencipta fasiliti alat nyah cemar yang dikenali sebagai mesin spray disinfeksi automatik (ADST) sebagai inisiatif baharu mengurangkan risiko jangkitan pandemik Covid-19.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565973/mbmb-cipta-mesin-nyah-cemar>

### Sinar Harian, 5 Mei 2020 (Selasa)

#### Sektor Pelancongan Melaka Ambil Masa 2 Tahun Pulih

BERNAMA

MELAKA - Industri pelancongan Melaka dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk pulih sepenuhnya ekoran impak penularan coronavirus (Covid-19) yang melanda seluruh dunia, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Melaka, Datuk Muhamad Jailani Khamis.

<https://www.sinarharian.com.my/article/82078/EDISI/Melaka-NS/Sektor-pelancongan-Melaka-ambil-masa-2-tahun-pulih>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

